



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

PTPTN LANCAR KEMPEN JOM BAYAR PTPTN SEMPENA HARI MESRA PELANGGAN

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah menganjurkan Hari Mesra Pelanggan di semua Pejabat PTPTN Negeri dan Cawangan seluruh negara. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBrs. Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN bertempat di Menara PTPTN, Kuala Lumpur. Turut hadir, Puan Mastura Mohd Khalid, Ketua Pegawai Operasi PTPTN, Encik Azhar bin Ahmad, Ketua Pegawai Kewangan PTPTN dan Pengurusan PTPTN.
2. PTPTN sentiasa berusaha mencari langkah terbaik melalui pendekatan yang lebih mesra agar peminjam tampil berunding dengan PTPTN sekali gus memastikan kutipan bayaran balik pinjaman terus meningkat. Selari komitmen PTPTN dalam menggalakkan bayaran balik pinjaman di kalangan peminjam dan meningkatkan kualiti perkhidmatan, Hari Mesra Pelanggan PTPTN dilaksanakan secara serentak di semua Pejabat PTPTN Negeri dan Cawangan seluruh negara bermula 12 Disember hingga 31 Disember 2023.
3. Bersempena Hari Mesra Pelanggan, PTPTN turut melancarkan Kempen Jom Bayar PTPTN yang merupakan kempen yang julung-julung kali diadakan dengan menyediakan pelbagai tawaran istimewa kepada para peminjam PTPTN iaitu:
 - i. Pemberian insentif diskauan bayaran balik pinjaman PTPTN sehingga 15%;
 - ii. Peminjam yang mempunyai tunggakan boleh membuat bayaran pendahuluan tunggakan minimum sebanyak RM300 sahaja untuk membuat penstukturran semula pinjaman;

- iii. Cabutan Jom Bayar PTPTN yang menawarkan hadiah tunai yang amat lumayan berjumlah RM70,000 kepada 140 pemenang. Tempoh promosi cabutan ini bermula pada 1 Disember lepas hingga 31 Disember 2023; dan
 - iv. Cenderamata eksklusif PTPTN.
- 4. PTPTN sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memainkan peranan penting dalam mendukung hasrat kerajaan untuk memastikan kelestarian pendidikan tinggi. Sehingga 31 Oktober 2023, seramai 3.92 juta peminjam telah diluluskan pinjaman PTPTN dengan jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan sebanyak RM70.91 bilion.
- 5. PTPTN sentiasa mengutamakan kemudahan yang kondusif dan fleksibel agar pelanggan dapat menghubungi PTPTN dengan mudah dan cepat. #PTPTNSediaBantu merupakan inisiatif yang disediakan PTPTN dalam bentuk kemudahan bagi membantu memudahkan para peminjam yang mempunyai sebarang pertanyaan atau urusan berkaitan bayaran balik pinjaman. Melalui kemudahan ini, peminjam boleh berhubung dengan barisan hadapan (frontliners) PTPTN yang sangat komited untuk memberikan perkhidmatan terbaik.
- 6. Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN berkata, "PTPTN juga terus komited untuk memastikan para peminjam membuat bayaran balik pinjaman secara konsisten bagi kelangsungan dana untuk generasi akan datang. Sehingga 31 Oktober 2023, seramai 2.25 juta peminjam atau 83.05% yang sepatutnya membuat bayaran balik, telah mula membuat bayaran balik pinjaman mereka. Terima kasih diucapkan kepada para peminjam atas sifat tanggungjawab yang ditunjukkan. Semoga amalan mulia ini dicontohi oleh para peminjam lain."
- 7. "Inilah peluang terbaik kepada semua peminjam untuk berunding dengan pegawai PTPTN. Peminjam bukan sahaja dapat menikmati diskain bayaran balik pinjaman, malah berpeluang membuat penstrukturran semula pinjaman dengan tawaran yang lebih menarik, berpeluang memenangi hadiah lumayan serta mendapat cenderamata eksklusif daripada PTPTN. Manfaat 4 dalam 1 ini sangat berbaloi untuk para peminjam sempena Hari Mesra Pelanggan dan Kempen Jom Bayar PTPTN," ujar beliau lagi.

8. Selain itu, waktu operasi kaunter di Pejabat PTPTN Negeri dan Cawangan seluruh negara dilanjutkan mulai jam 8.30 pagi hingga 6.00 petang termasuk hari Sabtu daripada jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang. Ini bagi memudahkan pelanggan berurus sepanjang Hari Mesra Pelanggan. Untuk maklumat lanjut, peminjam boleh melayari portal rasmi PTPTN di www.ptptn.gov.my.